

Inisiatif HIP Mentor : SMK Labuan Terima Penghargaan Menteri Pendidikan



YB Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik telah menyampaikan sijil penghargaan Inisiatif Program Highly Immersive Programme Mentor (HIP Mentor) kepada Pengetua SMK Labuan Encik Ismail Abdullah dalam satu majlis penyampaian Sijil Penghargaan Program Pengukuhan Persekitaran Dwi Bahasa Sekolah di bawah Highly Immersive Programmes(HIP) di Yayasan Kepimpinan Perdana Putrajaya pada 27 September yang lalu.

Turut menerima sijil penghargaan ialah pesara guru Madam Chin Tsuey Wei yang merupakan Mentor bagi program HIP SMK Labuan.

Program HIP Mentor yang bertujuan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah, akan diperluaskan lagi ke sekolah-sekolah pada tahun hadapan, kata Menteri Pendidikan Dr. Maszlee Malik.

Beliau berkata,
projek rintis HIP mentor yang melibatkan 28 mentor yang
terdiri daripada guru Bahasa
Inggeris yang telah pencen, diadakan di 27 sekolah
terpilih selama tiga bulan
bermula Julai lepas.

Sekolah terpilih
itu ialah 15 di Selangor, Negeri Sembilan (lima), Perak
dan Sarawak
masing-masing dua dan masing-masing satu di Kuala Lumpur,
Putrajaya, Labuan dan
Sabah.

“Tahun depan kami akan meluaskan lagi program HIP Mentor
ini di sekolah serata Malaysia dan berharap lebih ramai
lagi guru-guru pencen Bahasa Inggeris dapat membantu
menjadi mentor kami.”

“Mereka ini saya gelar superhero mentor kerana mereka
telah mengorbankan masa secara sukarela dan percuma untuk
membantu (program),” katanya kepada media selepas majlis
tersebut.

Bagi menghargai jasa dan pengorbanan guru-guru pencen
yang terlibat dalam HIP Mentor itu, Dr Maszlee berkata,
kementerian akan berusaha mendapatkan beberapa insentif
seperti bayaran elaun kepada mereka.

“Mereka perlu diberi ganjaran yang selayaknya. Kami juga
memerlukan dukungan dari pihak swasta dalam membantu kami
menjayakan program ini,” katanya.

Dr Maszlee berkata program itu menunjukkan
keberkesannya melalui laporan tidak rasmi yang dihantar
kepadanya menunjukkan pelajar berminat dengan aktiviti-
aktiviti yang dijalankan.

“Mereka berjaya

mendapatkan pelajar untuk terlibat dalam semua aktiviti dalam bahasa Inggeris dan tahap keyakinan mereka dalam perbualan dan menulis dalam Bahasa Inggeris telah bertambah baik berbanding sebelum program itu," katanya.

Hadir bersama dalam majlis tersebut ialah Datuk Dr Amin bin Senin, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

Berita Oleh : SMK Labuan



Encik Ismail (kanan) bersama Datuk Dr Amin Senin